

MEMPAKEJ PELANCONGAN TASIK CHINI SEBAGAI RIZAB BIOSFERA (Packaging Tourism for Tasik Chini Biosphere Reserve)

Habibah Ahmad, Mushrifah Idris, Hamzah J., Mohd Ekhwan Toriman, Ari Kurnia

ABSTRAK

Tasik Chini merupakan sebuah tasik air tawar kedua terbesar di Malaysia, telah lama dikenali sebagai destinasi alam semula jadi oleh para pelancong. Namun, pada akhir 1990-an, kedatangan pelancong didapati merosot dan ini menjejaskan komuniti yang menawarkan ekopelancongan, terutama Orang Asli. Dilaporkan bahawa Tasik Chini dan persekitarannya terjejas oleh aktiviti manusia seperti pertamian ladang, perlombongan dan pembalakan. Pengistiharan Tasik Chini sebagai Rizab Biosfera pada Julai 2009 telah memberikan kesempatan kepada kawasan ini mendokong pelancongan lestari. Adalah menjadi suatu peluang untuk mempackage pelancongan berasaskan fungsi Rizab Biosfera. Makalah ini bertujuan untuk menganalisis bagaimana Tasik Chini perlu mempackage destinasi dan apakah komponen yang menentukan imej pelancongannya. Kajian ini menggunakan data primer dan sekunder yang diperolehi daripada beberapa program kesedaran awam dan survey ke atas komuniti setempat pada Jun 2008. Hasil kajian mendapati pakej pelancongan Tasik wajar mendokong prinsip modal alam semulajadi, modal sosial, modal ekonomi dan modal budaya setempat. Kajian ini mencadangkan agar usaha mempackage Tasik Chini sebagai Rizab Biosfera perlu mengambilkira pengalaman terintegrasi, yang mana konservasi, pembangunan dan sokongan untuk penyelidikan, pendidikan dan senggang menjadi entiti interaksi antara pelancong dan tuan rumah Tasik Chini.

Kata Kunci: *Rizab Biosfera, mempackage pelancongan, modal alam semulajadi, modal sosial dan modal budaya.*

ABSTRACT

Tasik Chini, the second largest freshwater lake in Malaysia has long been recognised as one of the nature escape among tourists. In the late 1990s, there was a decline in tourist arrivals, and this has affected those who rely on ecotourism, especially the indigenous peoples. It was reported that Tasik Chini and its environment was badly affected by the surrounding man made activities such as plantation, mining and logging, resulting it unattractive to tourists. Tasik Chini was endorsed as Biosphere Reserve (BR) in 2009, a UNESCO initiative to achieve sustainable development. Being a BR, there is wide opportunity to support sustainable tourism. It is therefore vital to identify ways to package the destination with the aims of leveraging the functions of BR. This article aims to identify and evaluate the possibilities of packaging Tasik Chini as a Biosphere Reserve. This study utilised both primary and secondary sources of data, from the survey and public awareness program undertaken by the researchers in June 2008. The study found that Tasik Chini has vast natural capital, social and cultural capital to explore for packaging tourism experiences. On the other hand, the local factors in terms of economic and infrastructural capital are still lacking. The study recommended that packaging Tasik Chini as Biosphere Reserve should put into effect integrated experiences, whereby conservation, development and support for research, learning and play become the entity of the host and guest interaction of Tasik Chini.

Keywords: *Biosphere Reserve, tourism packaging, destination, natural capital, social and cultural capital*

PENGENALAN

Tasik Chini telah diiktiraf sebagai Rizab Biosfera oleh UNESCO pada Julai 2009 dan pengiktirafan ini memberi harapan bahawa ekosistem ini mencapai pembangunan yang lestari, khususnya dalam konservasi, pembangunan dan sokongan. Dalam masa yang sama, pengiktirafan ini membuka ruang kepada komuniti setempat untuk terlibat secara aktif dalam setiap program dan projek yang akan dilaksanakan. Rizab Biosfera juga diharapkan dapat memperkasakan ekonomi komuniti, khususnya komuniti Orang Asli, terutama melalui aktiviti pelancongan. Sebagaimana dicadangkan dalam Rancangan Tempatan Daerah Pekan Tahun 2006 dan Rancangan Struktur Daerah Pekan Tahun 2006, Tasik Chini dikenalpasti sebagai kawasan pelestarian sekaligus juga sebagai kawasan ekopelancongan (JPBD 2002, 2006). Hal ini selaras dengan konsep Rizab Biosfera yang merupakan konsep untuk melestarikan sesebuah kawasan yang diiktiraf dengan melakukan pembangunan terencana dan bersifat hijau, berupaya menjana ekonomi komuniti sekaligus mengembangkan khazanah keilmuan dan penyelidikan. Sehubungan itu, Tasik Chini memerlukan satu pendekatan baru dalam mepakej produk pelancongan yang bersesuaian dengan pendekatan Rizab Biosfera.

Rizab Biosfera merupakan satu kawasan yang ditauliahkan oleh UNESCO (*United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization*) melalui *Man and Biosphere Program* (MAB) untuk mencapai keseimbangan dan keharmonian di antara alam sekitar dengan manusia (UNESCO 2011). Dalam kawasan terpilih ini, manusia berusaha mempraktikkan pengurusan yang terintegrasi antara tanah, air dan kepelbagaian biologi. Hasilnya, perkembangan ekonomi dan pembangunan manusia seimbang dan harmoni dengan alam semulajadi. Sebagai salah satu konsep untuk mewujudkan pembangunan lestari, Rizab Biosfera mempunyai matlamat untuk memelihara sumber agar wujud penggantian atau kepelbagaian sumber dan pengurangan penggunaan sumber yang tidak boleh diperbaharui kepada satu bentuk penggunaan sumber secara lestari dan dapat berlangsung pada masa akan datang. Rizab Biosfera juga harus memastikan pandang darat budaya dan pembangunan buatan manusia membawa manfaat dan peluang yang maksimum, dan dalam masa yang terintegrasi dengan alam semulajadi bagi melahirkan keseimbangan, keharmonian dan faedah untuk semua (Schultz, Duit & Folke 2011, Battise 1982). Malahan, ini mengelak pembangunan yang mengancam atau menjejaskan kualiti kehidupan dan melindungi kapasiti dan keupayaan ekosistem. Ia juga menggalakkan penyertaan komuniti dalam membuat keputusan pembangunan kawasan masing-masing dalam aspek pembangunan ekonomi, pembangunan sosial dan alam sekitar (Blowers 1993, Lai & Nepal 2006, Xu et al. 2010).

Oleh itu, konsep dan pendekatan Rizab Biosfera bertujuan untuk mencapai kelestarian dan kesejahteraan komuniti yang bersepadu antara aspek ekonomi (untuk pertumbuhan, kesaksamaan, daya saing dan kecekapan), aspek sosial (untuk penyertaan, kekuasaan, penentuan identiti kebudayaan serta pembentukan dan pembangunan institusi) dan aspek ekologi dengan alam sekitar (untuk kepelbagaian serta kemampuan dan keupayaan menampung pembangunan) (Habibah et al. 2009). Kawasan ini mencipta kesejahteraan kepada masyarakat tempatan, dengan membangunkan potensi yang ada di kawasan tersebut dan dimiliki oleh masyarakat tempatan di situ (Wallner, Bauer & Hunziker 2007). Makalah ini bertujuan untuk mengenalpasti bagaimana Tasik Chini perlu mepakej produk pelancongan berasaskan fungsinya sebagai Rizab Biosfera, dengan memberikan tumpuan kepada pengenalan sumber modal utama bagi mencapai kelestarian pelancongan destinasi ini.

RIZAB BIOSFERA SEBAGAI PENDEKATAN KELESTARIAN PEMBANGUNAN

Rizab Biosfera dilaksanakan oleh MAB UNESCO, bukan lagi perkara baru dalam arena pembangunan lestari bagi masyarakat tempatan dan antarabangsa. Sehingga tahun 2011, terdapat 563 buah rizab Biosfera di 109 buah negara di seluruh dunia (UNESCO 2011). Rizab Biosfera merupakan satu pendekatan pembangunan yang mengimbangi kesejahteraan ekologi, sosial dan ekonomi (UNESCO 1996, 2011). Pendekatan ini dilancarkan sejak tahun 1974 dan dikemaskini selepas penganjuran Persidangan Seville pada tahun 1995. Ia bertujuan untuk i) mengurangi kehilangan kepelbagaian biologi; ii) meningkatkan taraf hidup penduduk yang berada dalam lingkungan rizab; iii) memperkasakan kedudukan sosial, ekonomi dan budaya untuk menjamin kelestarian alam sekitar; dan iv) menyumbang secara langsung ke arah matlamat *Millenium Development Goal 7* (MDG7) iaitu kelestarian alam sekitar (UNESCO 2011).

Di Malaysia, pembangunan berdasarkan pendekatan Rizab Biosfera sedang dirintis di Tasik Chini, ekoran beberapa keistimewaan yang terdapat di kawasan ini, terutama dari segi ekologi, budaya dan komuniti. Meskipun begitu, Tasik Chini juga berdepan dengan beberapa ancaman, kesan daripada tindak balas atau rencana pembangunan yang kurang menepati kehendak dan kesesuaian ekosistem kawasan ini.

Rizab Biosfera mengandungi dua perkataan asas, iaitu rizab dan biosfera. Perkataan rizab bererti simpanan sesebuah kawasan yang mempunyai aset dan sumber yang amat penting kepada semua masyarakat di dunia ini. Kata biosfera pula bererti bahagian dari kehidupan dan semua hal yang mewakili kehidupan di planet ini. UNESCO menggunakan istilah ini kerana dapat difahami dan diterjemahkan oleh banyak negara. Hal ini bukan bererti Rizab Biosfera adalah kawasan yang berdampingan dengan manusia dan pembangunan, tetapi aktiviti manusia, kesihatan ekologi dan komuniti membentuk entiti Rizab Biosfera. Singkatnya, Rizab Biosfera adalah kawasan khusus yang menggalak penghuninya mengamalkan penggunaan sumber alam secara lestari (Tsaur et al. 2006). Matlamat pengurusan kawasan Rizab Biosfera pula adalah untuk melindungi nilai dan ciri semulajadi, memulihara nilai istimewa dan keunikan sesuatu kawasan, melindungi habitat, mengawal aktiviti yang merosak dan mengancam kawasan sehingga menjadi minimum, mengenalpasti dan memperkasakan keperluan komuniti, mendokong penyelidikan dan pelancongan (Susilo 1997, Duranda & Vázquez 2011).

EKOPELANCONGAN SEBAGAI PEMANGKIN KELESTARIAN RIZAB BIOSFERA

Rizab Biosfera mempunyai tiga fungsi utama iaitu pelestarian kepelbagaian biologi, pembangunan lestari dan dukungan untuk penyelidikan (Batisse 2002, Bridgewater 2002,). Istilah penyelidikan merujuk aktiviti pendidikan, penyelidikan, pelatihan dan pengawasan sebagai dokongan kepada pembangunan dan pelestarian. Pendidikan, pelatihan, penyelidikan dan pengawasan berupaya membangun kemampuan tempatan untuk membuat keputusan dan implementasi (Price, Park & Bouamrane 2010). Perencanaan aktiviti ini akan membantu komuniti sebagai entiti penting Rizab Biosfera untuk mengenalpasti keperluan mengikut cara mereka sendiri.

Sebagai bahagian daripada kawasan perlindungan kepelbagaian biologi, kawasan Rizab Biosfera memiliki peluang yang sangat besar untuk dikembangkan sebagai destinasi ekopelancongan (Li 2004, Li 2006). Ekopelancongan diertikan sebagai kunjungan ke kawasan semulajadi untuk melihat, menginterpretasi dan menikmati flora dan fauna dengan impak alam sekitar yang minimum atau tidak ada sama sekali, dan sekaligus memberi kesan positif kepada komuniti setempat dan kelestarian ekologi pada masa akan datang (Scheyvens

1999, UNESCO 2002). Ekopelancongan bermatlamat untuk menciptakan pelestarian alam sekitar disertai pemerksaan komuniti, khususnya komuniti sekitar. Ia juga menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan komuniti yang ada di sekitarnya (Alavi & Yasin 2000, Jones 2005).

Sebagai salah satu aktiviti yang sesuai untuk dikembangkan di kawasan Rizab Biosfera ialah ekopelancongan (UNESCO 2002, Li 2004). Ekopelancongan lestari ini dapat menjana pekerjaan dan pendapatan kepada komuniti tempatan, menyediakan motivasi dan insentif pelestarian dan juga meningkatkan kesedaran awam terhadap kepelbagaian biologi dan budaya dan pengetahuan tradisional di kawasan Rizab Biosfera. Walaupun bersesuaian, ada beberapa perkara yang harus diperhatikan sebelum mengimplementasi ekopelancongan di kawasan Rizab Biosfera, terutama ciri-ciri habitat dan komuniti di kawasan tersebut (Gosling 1999, Tsaur et al. 2006, Lai & Nepal 2006). Setakat ini, ekopelancongan di kawasan istimewa ini telah berkembang tidak hanya sekadar pemerhatian burung, menunggang kuda dan *jungle tracking*, tetapi juga melestarikan komuniti tempatan (Bonheur & Lane 2002, Li 2004). Pelancongan di Rizab Biosfera Tasik Chini, boleh dikembangkan mengikut kesesuaian potensi dan ciri-ciri semula jadi yang ada dan harus dipakej semula selaras dengan pengiktirafan Tasik Chini sebagai Rizab Biosfera pertama Malaysia.


KAWASAN DAN METOD KAJIAN

Rizab Biosfera Tasik Chini terletak di Daerah Pekan, Negeri Pahang, Malaysia. Tasik Chini merupakan tasik air tawar yang kedua terbesar di Malaysia dan dikelilingi 12 tasik yang juga dipanggil laut oleh penduduk setempat (Habibah et al. 2010). Setiap laut mempunyai nama tersendiri dan keluasan keseluruhan tasik adalah sekitar 202 hektar. Tasik Chini dikelilingi hutan tropika dan keluasan keseluruhan kawasan hutan dan air tawar semulajadi dianggarkan sekitar 12,000 ekar atau bersamaan 4,975 hektar. Komuniti yang mendiami kawasan sekitar tasik terdiri daripada Orang Asli suku Jakun, meskipun terdapat segelintir suku Semelai, orang India dan orang Eropah, hasil daripada perkahwinan campur penduduk tempatan dengan orang luar. Tasik Chini juga kaya dengan pelbagai spesies, antaranya 200 spesies burung dan 240 spesies ikan di sekitar tasik ini.

Tasik Chini juga memiliki kekayaan flora dan fauna, seperti 51 spesies tumbuhan jenis hutan rendah, 15 spesies tumbuhan hutan paya air tawar, 25 spesies tumbuhan akuatik dan 87 spesies ikan air tawar. Tasik Chini terdiri daripada 12 rangkaian tasik yang dipanggil laut oleh penduduk tempatan dan yang terbesar ialah Laut Gumun, Laut Jerangking, Laut Melai dan Laut Jemberau. Kawasan di sekeliling tasik berbukit-bukau dan menyerupai belakang seekor naga. Terdapat gunung di sini, yang dikenali Gunung Chini dengan ketinggian melebihi 800 meter dan diliputi hutan tebal. Tasik Chini juga masuk berada dalam koridor pembangunan Pantai Timur (*East Coast Economic Region*). Pelan induk ECER mengambil kira perlindungan alam sekitar dan warisan dengan memberi perhatian terhadap perlindungan alam sekitar dan pemuliharaan warisan budaya (ECER 2011). Lokasi Rizab Biosfera Tasik Chini dapat dilihat pada Rajah 1 dan Rajah 2.



Rajah 1. Lokasi Rizab Biosfera Tasik Chini



Rajah 2. Lokasi Rizab Biosfera Tasik Chini

Sumber: <http://www.ecerdc.com/2008/envi-p6.htm>

Untuk metodologi kajian, makalah ini menggunakan data primer dan sekunder yang dikumpulkan antara tahun 2008 dan 2009. Data sekunder diperoleh daripada Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC), Universiti Kebangsaan Malaysia yang juga menjadi salah satu badan perwakilan MAB UNESCO di Malaysia. Data sekunder yang digunakan termasuk Rancangan Tempatan Daerah Pekan, Rancangan Struktur Pekan dan Pelan Induk ECER. Sementara itu data primer diperoleh daripada Program Kesedaran Awam Pertama dan Program Kesedaran Awam Kedua yang dilaksanakan di Tasik Chini pada tahun 2008. Program ini adalah kerjasama antara PPTC dengan MAB UNESCO dengan komuniti sekitar Tasik Chini sebagai sasarannya. Program ini dilakukan dengan melakukan temu bual secara berstruktur, temu bual secara terbuka dan penggunaan soal selidik. Pelbagai respon daripada komuniti didapati dalam program ini dan sebahagiannya digunakan untuk menganalisis bagaimana mepakej produk pelancongan Tasik Chini sebagai Rizab Biosfera.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bagi Tasik Chini, mendapat pengiktirafan sebagai Rizab Biosfera bermakna satu peluang untuk membangun ekopelancongan secara lestari. Dengan pendekatan Rizab Biosfera juga, ekopelancongan di Tasik Chini dapat ditawarkan secara terancang, berpedomankan keseimbangan alam sekitar dengan kepentingan lokal dan budaya tempatan. Apakah jenis modal untuk membangun dan mepakej ekopelancongan Tasik Chini? Seperti ditunjukkan dalam Jadual 1, destinasi ini memiliki beberapa modal dan potensi yang boleh digunakan untuk pengembangan ekopelancongan.

Jadual 1: Modal dan Potensi Tasik Chini

PEMBOLEH UBAH	TASIK CHINI
Modal Ekologi	Terdapat 200 spesis burung dan 240 spesis ikan di sekitar tasik ini. Tasik Chini juga memiliki kekayaan flora dan fauna dan sumber biologi seperti 51 spesis tumbuhan jenis hutan rendah, 15 spesis tumbuhan hutan paya air tawar, 25 spesis tumbuhan akuatik dan 87 spesis ikan air tawar
Modal Ekonomi	Tasik Chini telah berkembang menjadi salah satu destinasi ekopelancongan yang memberikan sumbangan terhadap ekonomi Orang Asli, khususnya dalam hal penjualan kraf tangan dan peyediaan makanan untuk pelancong. Selain itu, kawasan ini juga telah diterokai sebagai ladang sawit sebagai sumber ekonomi komuniti tempatannya. Komuniti juga menjual beberapa hasil hutan sebagai sumber ekonomi.

Modal Sosial dan Budaya	Komuniti Orang Asli memiliki keseharian tradisional yang unik dalam memenuhi kehidupan harian. Penghormatan kepada alam juga melahirkan budaya yang masih bersifat 'animisme' yang tercermin dalam nyanyian dan tarian. Komuniti Orang Asli dipimpin oleh seorang Tok Batin yang memiliki wewenang signifikan dalam pengambilan keputusan.
Modal Manusia	Tasik Chini didiami oleh 4 kampung Orang Asli di sekitarnya yang masih bersifat tradisional dan beberapa komuniti FELDA yang telah menjalani hidup secara moden. Kelompok manusia ini hidup secara harmonis dan campur tangan kerajaan sangat besar dalam mencipta kesejahteraan komuniti sekitar Tasik Chini. Sebagian besar komuniti telah mendapatkan pendidikan formal.
Potensi dan Kekuatan	Selain potensi alam sekitar yang kaya dan budaya komuniti yang unik serta pemandangan alam yang indah, Tasik Chini berpotensi sebagai makmal hidup untuk pembelajaran alam sekitar sebagaimana yang terus berkembang sekarang ini dalam program bestari. Ekopelancongan alam dan pendidikan adalah sebahagian aktiviti utama yang membolehkan komuniti tempatan mengembangkan kemampuan dan ekonomi mereka.
Ancaman	Aset semulajadi Tasik Chini semakin pupus disebabkan giatnya pembalakan, berkembangnya habitat Ekor Kucing yang memusnahkan lotus dan meningkatnya sendimentasi Tasik. Kepupusan ini disebabkan belum berkembangnya aktiviti alternatif untuk komuniti tempatan, sehingga kebergantungan terhadap alam yang tinggi cenderung merosak dan memusnahkan alam semulajadi itu sendiri.
Pemeriksaan Ekonomi	Kerajaan mulai melibatkan komuniti tempatan dalam pelbagai program pembangunan seperti perladangan kelapa sawit dan ekopelancongan. Secara makro, sumber ekonomi komuniti tempatan belum stabil. Dengan menciptakan peluang ekonomi setempat, pemerikasaan ekonomi Orang Asli bukan lagi hal yang mustahil.
Pengembangan Institusi Tempatan	Komuniti tempatan telah membentuk Persatuan Pencinta Tasik Chini sebagai institusi tempatan yang <i>concern</i> terhadap kelestarian Tasik Chini. Komuniti tempatan juga memiliki Perkumpulan Pembuat Kraf Tangan yang memenuhi dan mengatur permintaan kraf tangan oleh pelancong.
Proses Pendidikan	Kerajaan memberi subsidi untuk pendidikan komuniti Orang Asli dengan menyediakan sekolah sehingga kepada pengangkutannya. Hal ini untuk menghindari buta huruf dalam kalangan komuniti, dan meningkatkan peluang pendidikan kepada generasi muda demi melestarikan alam sekitar, khususnya Tasik Chini
Rakan Pembangunan	Kerajaan berperanan aktif melalui program pembangunan Pantai Timur (ECER) untuk memajukan Tasik Chini sebagai sumber ekonomi kawasan. Selain itu, Pusat Penyelidikan Tasik Chini Universiti Kebangsaan Malaysia telah banyak melakukan kajian untuk pembangunan lestari Tasik Chini dan menjalankan kempen kesedaran, bekerja sama dengan MAB UNESCO.
Hubungan antara komuniti, pelestarian dan pembangunan	Komuniti harus diberi peluang dalam aktiviti ekonomi alternatif bagi menjana kehidupan ekonomi harian. Ini dilakukan dengan melibatkan mereka dalam pelbagai aktiviti kerajaan dan institusi lainnya. Setakat ini, keharmonian komuniti dengan stakeholders lainnya masih dalam tahap mencipta kerjasama antara pelbagai pihak kepentingan, khususnya dalam aspek ekonomi.

Untuk kelestarian Rizab Biosfera, penglibatan komuniti tempatan adalah salah satu faktor penting apabila kawasan Rizab Biosfera ini hendak dikembangkan sebagai destinasi ekopelancongan. Untuk merealisasikan penglibatan, perlu dikenalpasti terlebih dahulu modal sosial budaya, ekonomi, manusia dan alam sekitar yang dimiliki oleh komuniti tempatan sebelum melibatkan mereka dalam aktiviti/program/projek pembangunan Rizab Biosfera. Setelah itu, perlu ditentukan *stakeholders* yang boleh bekerjasama dengan komuniti tempatan sehingga membentuk suatu sinergi dalam pembangunan berpenglibatan. Rizab Biosfera Tasik Chini boleh menjadi kawasan penyelidikan, merangkumi penyelidikan flora, fauna, hidrologi dan kebudayaan setempat. Tasik Chini boleh menjadi tempat belajar dan makmal hidup dan ini selaras dengan fungsi Rizab Biosfera dan ekopelancongan.

Setidaknya, untuk pengembangan ekopelancongan dan berasaskan modal dan potensi yang telah diuraikan dalam Jadual 1, terdapat beberapa elemen yang boleh digunakan untuk mepakej pelancongan Rizab Biosfera Tasik Chini. Elemen-elemen itu adalah alam sekitar, komuniti, budaya, dan ekonomi. Elemen-elemen ini boleh melahirkan aktiviti-aktiviti ekopelancongan yang boleh dilakukan oleh pelancong dan komuniti sekitar, dan ini diuraikan dalam Rajah 3.


Daripada Rajah 3 dapat dilihat bahawa sememangnya elemen-elemen yang ada boleh digunakan untuk meningkatkan pengembangan (mepakej) pelancongan di Tasik Chini. Mepakej pelancongan tidak hanya terfokus kepada pengembangan potensi alam Tasik Chini sahaja, tetapi juga dipakej untuk meningkatkan kemampuan usahawan komuniti sekitarnya (sama ada Orang Asli atau FELDA), menciptakan makmal penyelidikan yang membolehkan wujudnya pelancongan pendidikan dan kesedaran awam sejak dini, aktiviti-aktiviti masa lapang yang terkawal, pelestarian kebudayaan dan pembangunan infrastruktur.

Mepakej semula pelancongan ini juga akan memberikan impak positif dan penambahbaikan terhadap peluang pekerjaan komuniti sekitar Tasik Chini. Berdasarkan data di lapangan tentang komuniti Orang Asli Kampung Gumum Tasik Chini, aktiviti utama penduduk di kampung ini adalah bertani, berburu, menangkap ikan dan membuat kraftangan. Daripada pekerjaan ini, pendapatan disifatkan sederhana namun, tidak menghasilkan pendapatan bulanan secara tetap. Walau bagaimanapun, apabila ditanya tentang peluang meneruskan ekonomi tradisional pada masa kini dan akan datang, Jadual 2 menunjukkan reaksi mereka.

Lebih 55% daripada responden menyatakan keadaan ini baik seperti dahulu, dan 8.9% menyatakan tambah buruk daripada sekarang. Sementara pertanyaan tentang peluang meneruskan aktiviti tradisional pada masa akan datang, memperlihatkan peratusannya bertambah, yakni dari 4.4% kepada 13% pada masa akan datang. Keadaan ini berkemungkinan disebabkan isu mencalonkan Rizab Biosfera sudah mula didengari sebahagian besar penduduk yang mahukan kelangsungan aktiviti tradisi.

Sementara itu, pandangan tentang peluang untuk terlibat dalam ekopelancongan juga diperoleh di lapangan. Daripada Rajah 4, didapati peluang ekopelancongan berada di tahap baik seperti dahulu dengan lebih 50% penduduk Gumum menyatakan hal ini. Walau bagaimanapun, peluang untuk menjadi usahawan dalam ekopelancongan masa akan datang, berada di tahap tambah baik seperti sekarang. Ini kerana konsep ekopelancongan sudah semakin popular di kalangan orang Asli. Mereka percaya 'tempat' dan 'aktiviti' mereka menjadi pilihan pelancong asing daripada Cherating untuk terus mengunjungi tasik semulajadi ini. Menurut Pak Bahrin, kedatangan pelancong agak bermusim, kebanyakan datang daripada Cherating dan ada yang terus daripada Kuala Lumpur. Imej Tasik Chini di

kalangan ‘specialised tourist’ tidak merosot, namun kedatangan mereka hanya berupa *day trippers* sama ada dari Cherating atau Kuantan.




Rajah 3: Mempakej semula pelancongan Tasik Chini

Jadual 2: Peluang Meneruskan ekonomi masa kini dan akan datang

jawapan	Peluang meneruskan ekonomi tradisi skrg(a)		Peluang meneruskan ekonomi tradisi masa depan(a)	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Tambah buruk skrg	4	8.9	9	20.0
Buruk spt dahulu	14	31.1	14	31.1
Baik spt dahulu	25	55.6	16	35.6
Tambah baik skrg	2	4.4	6	13.3

N = 45 orang

Sumber: kerja lapangan 2008



Rajah 4. Pandangan Penduduk Tentang Ekonomi Pelancongan

Sumber: kerja lapangan 2008

Peluang memperoleh pekerjaan sekarang dan akan datang juga mendapat respon daripada responden. Jadual 3 menunjukkan maklum balas mereka. Daripada jadual ini didapati, lebih daripada 50% responden berpandangan bahawa peluang pekerjaan pada masa sekarang dan akan datang baik seperti dahulu dan akan tambah baik daripada sekarang. Ini kerana mereka dapati perhatian kepada masyarakat Orang Asli semakin tinggi, apatah lagi mereka juga mendapat maklumat bahawa peluang pekerjaan daripada pembangunan kawasan ini sebagai ekopelancongan Rizab Biosfera. Rancangan pembangunan baru ini dapat meyakinkan peluang ini. Selain itu, peranan ketua kampung dalam menghebahkan amklumat pembangunan juga menyebabkan mereka positif dengan peluang penjaan pekerjaan sekarang.

Jadual 3. Pandangan Orang Gulum tentang pekerjaan masa sekarang dan akan datang

jawapan	Pekerja	Mahir/terlatih	Pekerja mahir/terlatih masa depan(a)	
	skrg		Bilangan	Peratus
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Tambah buruk skrg	4	8.9	5	11.1
Buruk spt dahulu	13	28.9	11	24.4
Baik spt dahulu	22	48.9	21	46.7
Tambah baik skrg	6	13.3	8	17.8

N = 45 orang

Sumber: kerja lapangan, 2008.

Sebagai elemen daripada pembangunan lestari, respon komuniti adalah salah satu faktor penting untuk mencapai kemampunan pembangunan. Daripada huraian di atas, dapat dilihat bahawa komuniti mendukung sepenuhnya terhadap pengembangan ekopelancongan di kawasan Rizab Biosfera Tasik Chini. Hal ini tentunya memudahkan pihak-pihak lainnya yang terlibat dalam pembangunan Tasik Chini untuk melakukan implementasi terhadap program-program pembangunan Tasik Chini.

KESIMPULAN

Rizab Biosfera adalah suatu pendekatan untuk membangunkan kawasan dengan tetap menjaga kelestarian semulajadi mahupun budaya komunitinya. Salah satu aktiviti yang boleh menjana ekonomi dan selaras dengan konsep ini adalah aktiviti pelancongan berwawasan alam sekitar atau yang disebut dengan ekopelancongan. Sebagaimana ekopelancongan telah dikembangkan di Rizab-rizab Biosfera lainnya yang tersebar di seluruh dunia, Tasik Chini juga tidak kalah berpotensi untuk dikembangkan sebagai destinasi ekopelancongan dengan mepakej semula pelancongan di kawasan itu dengan melibatkan komuniti sekitarnya sebagai elemen untuk mencapai kelestarian pembangunan. Penglibatan komuniti tempatan adalah salah satu faktor penting dalam pembangunannya, khususnya apabila kawasan Rizab Biosfera hendak dikembangkan sebagai destinasi ekopelancongan. Bentuk penglibatan ini boleh dijana dengan mengenalpasti terlebih dahulu modal sosial budaya, ekonomi, manusia dan alam sekitar yang dimiliki komuniti tempatan sebelum melibatkan mereka dalam aktiviti/program/projek pembangunan kawasan Rizab Biosfera. Setelah itu, perlu ditentukan pihak berkepentingan yang boleh bekerjasama dengan komuniti tempatan sehingga membentuk suatu sinergi dalam pembangunan berpenglibatan. Kerjasama ini akan lebih baik apabila pelbagai pihak mendokong ilmu multidisiplin dan rentas disiplin.

Mempakej pelancongan yang disarankan dalam makalah ini bertujuan untuk mencipta peluang menjana ekonomi dan menarik kedatangan pelancong ke Tasik Chini. Ini akan memanfaatkan modal dan sumber yang ada, dan pengolahannya adalah bertunjangkan satu kesatuan yang terintegrasi antara manusia dan alam sekitar. Modal dan sumber yang ada di Tasik Chini boleh menjana komuniti usahawan dalam ekopelancongan dalam kalangan penduduk. Sektor keusahawanan yang berpotensi luas ialah kraf tangan, gastronomi, busana, sehingga penyaji perkhidmatan dalam kerja-kerja penyelidikan seperti pemandu, jurubahasa dan juru pandu. Pembangunan kepada infrastruktur juga menjadi salah satu bahagian dalam mepakej semula pelancongan di Rizab Biosfera Tasik Chini. Hal ini sangat penting untuk kemudahan akses dan keselesaan pelancong, selain ikut membangunkan fizikal kampung-kampung komuniti di sekitar Tasik Chini. Dalam makalah ini dapatkan respon dan harapan

komuniti terhadap kehadiran aktiviti pelancongan. Komuniti berharap kehadiran aktiviti ini yang dirancang dengan seksama akan meningkatkan ekonomi dan peluang pekerjaan kepada mereka. Hal ini adalah respon yang diharapkan oleh pihak-pihak terlibat lainnya dalam melakukan pembangunan yang harmoni di Rizab Biosfera Tasik Chini.

PENGHARGAAN

Penulis mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana membiayai dana penyelidikan ini. Kod Projek penyelidikan ini: UKM-OUP-PLW-12-57, penyelidikan UKM-GUP-ASPL-07-4-017 dan penyelidikan UKMTOPDOWN-ST-08-FRGS0003-2010, Lake Ecosystem Assessment of Tasik Chini.

RUJUKAN

- Alavi, J. & Yasin, M. 2000. A Systematic Approach to Tourism Policy. *Journal of Business Research*, 48:147-156.
- Batisse, M., 1982. The Biosphere Reserve: A tool for environmental conservation and management. *Environmental Conservation*, 9(2): 101–111.
- Blowers, A., 1993. *Environmental Policy: The Quest for Sustainable Development*, Urban Studies, 30 (4-5): 775-796.
- Bonheur, N & Lane, B. D. 2002. Natural resources management for human security in Cambodia's Tonle Sap Biosphere Reserve. *Environmental Science & Policy*, 5 (1): 3
- Bridgewater, P. B., 2002. Biosphere Reserves: Special places for people and nature. *Environmental Science Policy*, 5(1): 9–12.
- Ceballos – Lascurain, H., 1996. *Tourism, Ecotourism, and Protected Areas*, IUCN (World Conservation Union), Switzerland: Gland.
- Duranda, L. & Vázquez, L.B., 2011. Biodiversity conservation discourses. A case study on scientists and government authorities in Sierra de Huautla Biosphere Reserve, Mexico. *Land Use Policy*, 28: 76–82.
- ECER. 2008. Key Enablers. Environment <http://www.ecerdc.com/2008/envi-p6.htm> (dilayari 1 September 2009)
- Gossling, S. 1999. Ecotourism: a means to safeguard biodiversity and ecosystem functions? *Ecological Economics* 29: 303–320.
- Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mushrifah Idris, Ari Kurnia, Ishak Yussof & Mustaffa Omar, 2009. Memperkasa ekonomi orang Asli Tasik Chini dalam konteks pembangunan Wilayah ECER. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-IV 2009*, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, UKM, Bangi, , Jilid 1, ms. 175 - 188. ISBN 9789833198238.
- Habibah, A., Hamzah, J. & Mushrifah, I. 2010. Sustainable Livelihood of the Community in Tasik Chini Biosphere Reserve: The Local Practices. *Journal of Sustainable Development*, 3 (3): 184-196.

- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang (JPBD). 2002. *Rancangan Struktur Negeri Pahang 2002 -2020*. <http://jpbd.pahang.gov.my/pdf/rsn.pdf>, akses pada 20 April 2010.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang. 2006. *Rancangan Struktur Daerah Pekan*, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang, Malaysia.
- Jones, S. 2005. Community-based ecotourism: the significance of social capital. *Annals Of Tourism Research*, 32 (2), 303-324.
- Lai, Po-Hsin & Nepal, S. J. 2006. Local perspectives of ecotourism development in Tawushan Nature Reserve, Taiwan. *Tourism Management*, 27, 1117–1129.
- Li, Wenjun. 2004. Environmental management indicators for ecotourism in China's nature reserves: A case study in Tianmushan Nature Reserve. *Tourism Management*, 25, 559–564.
- Li, Wenjun. 2006. Community decisionmaking participation in development. *Annals of Tourism Research*, 33(1), 132–143.
- Price, M. F., Park, Jung Jin & Bouamrane, M 2010. Reporting progress on internationally designated sites: The periodic review of biosphere reserves. *Environmental Science & Policy*, 13(6), 549-557.
- Pusat Penyelidikan Tasik Chini, 2008, Laporan Program Kesedaran Awam Pertama : Pembangunan Berpenglibatan Komuniti Tasik Chini, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Scheyvens, R. 1999, Ecotourism and The Empowerment of Local Communities, *Tourism Management*. 20, 245–249.
- Schultz, L., Duit, A. & Folke, C., 2011. Participation, Adaptive Co-management and Management Performance in the World Network of Biosphere Reserves. *World Development*, 39(4), 662–671.
- Shurcliffe, K., Singleton, J. & Sulaiman, R., 2002. Public Consultation and disclosure plan– Collaborative Management Plan Komodo National Park Indonesia. Retrieved from [http://www.ifc.org/ifcext/spiwebsite1.nsf/7a881f3733a2d0785256a550073ff0f/f57adc e1d1d922185256c71007ebf7a/\\$FILE/Komodo%20PCDP%20final.pdf](http://www.ifc.org/ifcext/spiwebsite1.nsf/7a881f3733a2d0785256a550073ff0f/f57adc e1d1d922185256c71007ebf7a/$FILE/Komodo%20PCDP%20final.pdf), akses pada 3 April 2011.
- Susilo, Herry Djoko, 1997, The Tanjung Puting National Park and Biosphere Reserve Indonesia, Working Paper, South-south Co-operation Programme on Environmentally Sound Socio-Economic Development in The Humid Tropic, France.
- Tsaur, S.Hshiung, Lin, Yu-Chiang & Lin, J.-Hui 2006. Evaluating ecotourism sustainability from the integrated perspective of resource, community and tourism. *Tourism Management*, 27 (4), 640-653.
- UNESCO, 1996. Biosphere Reserve: The Seville Strategy and The Statutory Framework of the World Network, UNESCO Paris. <http://unesdoc.unesco.org/images/0010/001038/103849e.pdf> – akses pada 23 Mei 2011.

- UNESCO, 2011. Biosphere Reserves – learning sites for sustainable development. [http://www.unesco.org/new/en/natural-sciences/environment/ecologicalsciences/Biosphere Reserves](http://www.unesco.org/new/en/natural-sciences/environment/ecologicalsciences/Biosphere%20Reserves), akses pada 28 April 2011.
- UNESCO. 2002. Ecotourism and sustainable development in Biosphere Reserves: Experiences and prospects. Workshop Summary Report. Quebec City: Canada. <http://unesdoc.unesco.org/images/0012/001277/127757e.pdf>, akses pada 23 Mei 2011.
- Wallner, A., Bauer, N. & Hunziker, M. 2007. Perceptions and evaluations of biosphere reserves by local residents in Switzerland and Ukraine. *Landscape and Urban Planning* . 83, 104–114.
- Xu, Jianying, Chen, L., Lu, Y. & Fu, B. 2006. Local people's perceptions as decision support for protected area management in Wolong Biosphere Reserve, China. *Journal of Environmental Management*, 78 (4), 362-372.

Dr. Habibah Ahmad
Pensyarah Kanan
Program Sains Pembangunan
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email address: ha@ukm.my